

19 APR 1996

BUSINESS FOCUS TANDATANGANI PERJANJIAN DI CROATIA

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Business Focus Sdn Bhd telah menandatangani satu perjanjian dengan sebuah syarikat Croatia, Euroing-Inzenjering D.O.O, untuk membina kompleks perniagaan dan pejabat di ibu negara Croatia, Zagreb.

Upacara pemeteraian perjanjian itu antara pengerusi Business Focus Datuk Amin Shah Omar Shah dan pengerusi Euroing-Inzenjering Zlatko Matesa semalam telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Croatia.

Business Focus menyatakan di dalam satu kenyataan yang difakskan dari bangunan baru dan juga pengubah suaian bangunan yang sedia ada.

Di bawah perjanjian itu, kedua-dua buah syarikat itu akan bekerjasama untuk membangunkan kawasan seluas 6,516 kaki persegi di Avenija Vukovar, kawasan penting di Zagreb.

Business Focus juga akan memajukan projek perumahan di Tirana, ibu negara Albania, menerusi sebuah anak syarikatnya, Penang Shipbuilding & Construction Sdn Bhd.

Syarikat itu terlibat Albania dan negara-negara Balkan sebagai batu lonjatan kepada pasaran yang lebih luas di Eropah.

Business Focus juga terbabit dalam pembinaan hotel di Afrika dan Amerika Selatan di samping mempunyai kepentingan utama di negara-negara Asia dan Australia.

Ia membina hotel-hotel di Johannesburg (Afrika Selatan), Accra (Ghana) dan Peru. -- BERNAMA

ZMY MA SIA